



Mahathir dikurnia Bintang Belia Berjasa MBNJ

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BATU PAHAT, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad semalam dikurniakan Bintang Belia Berjasa oleh Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ).

Upacara tersebut berlangsung di pentas agung Perayaan Jubli Perak MBNJ selepas beliau merasmikan perayaan tiga hari itu.

Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Mohd. Saad, Yang Dipertua MBNJ, menyampaikan bintang tersebut.

Selepas itu, Datuk Sri Dr. Mahathir pula menyampaikan bintang yang sama kepada Tan Sri Hji Osman.

Turut hadir, Raja Muda Johor, Tengku Mahmud Iskandar selaku penganung MBNJ dan Menteri Kebudayaan

an Belia dan Sukan, Datuk Abdul Samad Idris.

Terdahulu dari itu, Timbalan Perdana Menteri menyaksikan lintas lalu kira-kira 6,000 peserta yang menyertai perarakan raksaksa.

Seramai 25 belia Pusat Latihan Belia mendahului perarakan dengan membawa bendera agung MBNJ diikuti oleh ratusan pembawa bendera-bendera MBNJ, Johor dan Malaysia serta panji-panji warnawarni.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyaksikan berbagai persembahan kebudayaan.

Sementara itu, Menteri Besar akan merasmikan majlis penutup perayaan pada malam ini.

Beliau juga akan menyampaikan cenderamata dan hadiah kepada pemenang berbagai pertandingan.

■ Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat (no. 2 dari kiri) sedang menyampaikan kurniaan Bintang Belia Berjasa kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Duduk sebelah kanan bertepuk tangan semasa pengurniaan itu disampaikan, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datuk Samad Idris. — Gambar Berita Harian.

No Siri 214

No Penerimaan